

UM juara Debat Antara Asasi 2024

Kuala Lumpur: Universiti Mala-
ya muncul johan Pertandingan
Debat Antara Asasi (PeDAA) 2024,
kategori bahasa Melayu yang ber-
langsung di Universiti Malaysia
Terengganu (UMT), Terengganu,
baru-baru ini.

Dalam pertandingan akhir itu,
UM sebagai pihak kerajaan mene-
waskan pasukan debat Universiti
Sains Islam Malaysia (USIM) yang
bertindak sebagai pembangkang
menerusi tajuk ‘Jurang ekonomi
bukan jurang perpaduan’.

Pusingan akhir perdebatan itu
berlangsung dengan sengit sebe-
lum akhirnya menobatkan UM se-
bagai juara dengan keputusan juri
tiga berbalas dua.

Sebagai johan, UM membawa
pulang RM2,500 sumbangan De-
wan Bahasa dan Pustaka (DBP).
UM turut merangkul gelaran pem-
bahas terbaik menerusi pendebat-
nya, Afiq Athmar Mohamed se-
mentara, USIM selaku naib johan,
membawa pulang hadiah wang tunai
RM2,000 yang disampaikan



oleh Naib Canselor UMT, Prof Da-
tuk Dr Abdul Ghaffar.

Sementara itu, Penolong Pen-
daftar Pusat Tamhidi USIM, Mohd
Zaini Othman, berkata mara ke
pertandingan akhir adalah penca-
paian yang cemerlang buat pende-
bat Asasi USIM kerana ia adalah

pengalaman pertama mereka ber-
tanding di peringkat kebangsaan.

Sebelum ini pada peringkat
suku akhir, USIM menewaskan pa-
sukan Universiti Putra Malaysia
dan seterusnya menewaskan pas-
ukan Universiti Utara Malaysia di
peringkat separuh akhir.